

Teks ucapan
Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM
Di Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-49 Dan Kempen
Kibar Jalur Gemilang Di Dataran Hal Ehwal Pelajar Di Kubang Gajah, Arau
Pada 17 Ogos 2006

Bismillahir-Rahmanir-Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Shahidan bin Kassim, Menteri Besar Perlis

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Rektor (Akademik dan Pengantarabangsaan) KUKUM

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Inovasi) KUKUM

Dif-Dif Kehormat,

Pegawai-pegawai Utama KUKUM,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Wakil-wakil Media yang Dihormati,

Warga Kerja dan Mahasiswa KUKUM yang dikasihi sekalian.

Bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T atas limpah kurnia rezeki yang dicurahkan, kasih sayang yang melimpah-ruah, dan mengizini kita semua pada malam ini sekali lagi berhimpun dan bertemu dalam majlis **Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan 2006**. Setinggi-tinggi tahniah

dan syabas diucapkan kepada jawatankuasa induk dan jawatankuasa kecil sambutan bulan kemerdekaan kerana usaha gigih dan dedikasi tuan-tuan dan puan-puan semua merencana, merancang, menyusun dan seterusnya menzahirkan pelbagai aktiviti dan program yang akan direalisasikan pada sambutan bulan kemerdekaan di peringkat universiti ini.

Hasil dari pemuafakatan dan canaian idea yang bernas ahli jawatankuasa induk dan jawatankuasa kecil sambutan bulan kemerdekaan ini, maka lahirlah 15 program dan aktiviti yang dirasakan cukup mantap dalam melahirkan warga kukum yang patriotik dan nasionalis.

Terlebih dahulu, saya mewakili warga KUKUM ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tanda terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Shahidan bin Kassim, Menteri Besar Perlis kerana sudi hadir dalam program petang ini.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada barisan tetamu dan dif-dif kehormat yang sudi melapangkan masa, hadir bagi memeriahkan lagi majlis. Sesungguhnya, kehadiran tuan-tuan dan puan-puan semua amat besar ertinya buat kami. Sesungguhnya kami memandang tinggi komitmen tuan-tuan dan puan-puan yang sentiasa menyokong apa jua program yang dianjurkan KUKUM.

Hadirin hadirat sekalian,

Majlis pelancaran sambutan bulan kemerdekaan yang akan dilancarkan serentak dengan kempen kibar jalur gemilang pada petang ini merupakan aktiviti-aktiviti yang telah dirangka dan disusun ini kesemuanya berarahkan kepada satu matlamat iaitu menyemai semangat patriotisme dan nasionalisme di kalangan kita semua baik sebagai warga universiti mahupun sebagai warga negara ini. Ibarat kata bidalan, jika tidak lalu dandang di air, di gurun dirangkakan. Inilah saatnya bagi kita semua menumpahkan rasa taat setia dan meluahkan kecintaan buat negara Malaysia yang tercinta.

Merdeka! Merdeka! Merdeka. suara semangat, suara keramat yang keluar dari jiwa yang merdeka. Bagaimanakah perasaan kita apabila perkataan merdeka ini disebut atau dilafazkan? Adakah kita berasa terharu? bersyukur? Atau rasa bangga? Tahun ini bermakna sudah 49 tahun negara kita Malaysia telah merdeka daripada penjajahan. Selama 480 tahun kita dijajah bersilih berganti, kita berpecah-pecah dan Ketika itu belum ada negara yang bernama Malaysia. Yang ada hanyalah negeri-negeri Melayu yang dicantum oleh British menamakannya sebagai Malaya.

Ketika itu, orang Melayu, Cina dan India hidup berasingan, bekerja di tempat yang berbeza dan jarang sekali bergaul antara satu sama lain. Tidak ada perpaduan antara kaum, tidak wujud semangat kekitaan, apatah lagi mempunyai matlamat masa depan bersama. Segala kekayaan hasil bumi disedut oleh penjajah ke luar negara. Bumi kita tinggal tanpa pembangunan, dan rakyat menderita. Penderitaan itulah yang akhirnya mendorong kebangkitan kita, ke arah kemerdekaan dan berkerajaan sendiri.

Sesungguhnya, kemerdekaan ini amat besar nilai dan ertinya. Kemerdekaan adalah lambang kebebasan, kedaulatan, kekuatan dan kejayaan, bukan saja bagi negara yang tercinta ini, tetapi juga bagi kepada setiap daripada kita, warga negara yang bernaung di bawahnya. Malaysia adalah negara kita, hak kita, lambang maruah dan kedaulatan kita. Turun naik, jatuh bangun, maju mundur negara ini, hanya kita yang berhak menentukannya. Kita harus berusaha untuk memastikan bahawa masa depan Malaysia akan hanya dicorak dan diwarnakan oleh setiap warganya dan bukan orang lain.

Sesungguhnya, segala kejayaan yang dicapai hari ini ditunjangi oleh usaha dan pengorbanan pejuang kita yang terdahulu. Tunku Abdul Rahman telah berjuang bagi mencapai kemerdekaan, Tun Abdul Razak Hussein berusaha gigih bagi membawa pembangunan, Tun Hussein Onn memerah keringat bagi memupuk perpaduan rakyat dan Tun Dr Mahathir Mohamad telah menentang arus bagi mencipta pemodenan. Mereka sebagai pemimpin kita bersama rakyat sekalian telah membawa Malaysia ke tahap ia berada hari ini.

Hari ini, kita memiliki pelbagai prasarana moden bertaraf dunia untuk dinikmati semua rakyat. Kita juga menjadi sebuah negara pengeksport yang terbesar, mengeksport barangan dan perkhidmatan ke serata pelosok dunia. Namun, cuba kita renungkan sejenak adakah kita akan berbangga dengan semua pencapaian ini jika ia adalah perancangan dan hasil usaha penjajah, hasil usaha orang lain? Adakah kita akan menikmati kepuasan dan kegembiraan yang sama jika yang berkibar di setiap tiang bendera di negara ini ialah bendera Union Jack dan bukannya Jalur Gemilang? Saya yakin, perasaannya amat berbeza. Kita berbangga dengan pencapaian negara selama ini kerana ia adalah

hasil titik peluh kita, rakyat dan kerajaan kita. Itulah nilai kemerdekaan yang sebenar-benarnya. Empat puluh sembilan tahun lalu, tidak ramai yang menyangka kita dapat berada pada tahap kemajuan hari ini.

Namun, saya percaya kita mampu untuk pergi lebih jauh lagi. Kongsikanlah idea dan pandangan, supaya bersama kita akan mencorakkan negara ini menjadi Malaysia yang kita ingini. Setelah kita memiliki kuasa di tangan kerajaan menggagaskan pelbagai dasar antaranya DEB, DPN dan lain-lain lagi. Negara kita juga telah mengeluarkan produk kereta tampatan, membina KLCC, dan Putrajaya bandar bestari. Kesemua ini dikecapai selepas merdeka kerana kita sudah dapat menentukan halatuju sendiri.

Tetapi, jangan kita hanya mengenal keadaan sekarang, sedangkan kita lupakan bagaimana ia bermula. Setelah sekian lama kita mengisi erti kemerdekaan ini, jangan kita lalai dengan perjuangannya seperti bait-bait sajak *Erti Kemerdekaan* hasil nukilan Tun Dr. Mahathir Mohamad:

*Dan jatuhnya hanya beberapa hari
lalu terbelenggu 400 tahun
suatu tempoh yang amat payah dan panjang
pengabdian dan kehilangan yakin diri
43 tahun kita berdiri menebus maruah
merdeka mentafsir diri sendiri dan bangga pada apa yang ada
masih mahukan harga itu diperjudikan?*

Apalah ertinya jika kita hanya tahu melaungkan merdeka, tetapi terlupa maknanya. Tiada gunanya kita mengibarkan jalur gemilang, tetapi tidak

memahami semangatnya. Kemerdekaan bukan sekadar kita bebas dari penjajahan sempadan, tetapi turut merdeka minda dan pemikiran.

Setiap daripada kita, ada peranan yang perlu dilaksanakan bagi membangunkan negara ini. Walau apa juga bidang yang kita ceburi, laksanakanlah tugas yang digalas dengan penuh tanggungjawab, jujur, cekap dan berintegriti. Kita harus sentiasa berusaha untuk mencapai kejayaan yang tertinggi dan muncul sebagai yang terbaik supaya dunia menghormati kita.

Hari ini kita bersyukur dapat meraikan kemerdekaan ke-49 negara kita. Namun disebalik kegembiraan kita, ada negara yang tidak dapat merasai apa yang rasa pada hari ini. Tidak sayukah kita melihat anak-anak kecil yang tidak berdosa terkorban dan tidak sayukah kita melihat anak-anak kecil yang kehilangan ibu bapa akibat kekejaman Israel. Apakah yang kita boleh lakukan untuk menyatakan kemarahan dan kejiikan terhadap nasib yang menimpa mereka yang tidak bersalah.

Serangan ketenteraan berterusan Israel ke atas Lebanon dan Palestin bukan sekadar satu jenayah kemanusiaan bahkan lebih daripada itu. Israel telah melakukan satu perbuatan keji yang melangkaui batasan kemanusiaan yang tidak pernah disaksikan sehingga membawa kepada kemusnahan menyeluruh komuniti. Israel bukan sahaja tidak menghormati penduduk awam termasuk kanak-kanak, wanita dan warga tua bahkan juga undang-undang antarabangsa termasuk undang-undang kemanusiaan. Bukan saja marah malah kecewa dan hampa kerana tiada satu kuasa pun di dunia yang dapat menyekat kezaliman ini dari terus berlaku.

Farrouk Kaddoumi, Ketua Jabatan Politik Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) menyatakan sokongan masyarakat antarabangsa amat penting untuk menamatkan kekejaman Israel terhadap Lubnan dan Palestin, katanya "Kami perlukan sokongan padu negara-negara Islam dan masyarakat antarabangsa untuk menghentikan kekejaman yang semakin memuncak terhadap Lubnan dan Palestin.

Walaupun kami sebuah universiti yang berada di utara tanahair membantah dan memandang jijik akan kekejaman dan tindakan Israel terhadap Lubnan dan Palestin. Kami percaya setiap negara berhak merdeka dan hidup dalam suasana aman tanpa sebarang pencerobohan oleh negara luar. Pada hari ini Presiden Kelab Kakitangan KUKUM dan wakil Majlis Perwakilan Pelajar akan menyerahkan nota bantahan kami tentang kekejaman Israel yang akan diserahkan kepada Menteri Pengajian Tinggi Malaysia.

Kerana kami percaya umat yang merdeka dapat berfikir dengan bebas apa yang baik dilakukan untuk diri, bangsa atau untuk kepentingan umat seluruhnya tanpa khuatir kepada makhluk yang menghalangi, tiada yang ditakuti kecuali Allah SWT dan segala tindakannya berpandukan al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad SAW.

Erti kemerdekaan berbeza bagi setiap orang, bagi golongan veteran yang berjuang dengan darah dan air mata, ia sesuatu amat berharga apabila bebas daripada penjajah tapi bagi golongan muda, mereka menganggap ia sebagai hari cuti umum. Kerana bagi anak pasca merdeka, mereka tidak hidup di zaman ubi kayu rebus dan beras hangus. Namun, secara jujur saya katakan bahawa cabaran bagi generasi muda sebenarnya lebih berat kerana ia akan berhadapan dengan penjajahan bentuk baru. Setelah penjajah Barat memerdekakan tanah air kita,

mereka merasa menyesal kerana tidak dapat lagi menguasai dan menakluki bekas tanah jajahannya.

Dan saya rasa penjajahan bentuk baru dalam bidang ekonomi dan sosial adalah cara yang dimanipulasikan oleh Barat untuk menjajah kita sekali lagi. Dan andai kata kita dijajah selepas ini mereka tidak akan melepaskan kita sampai kiamat. Justeru kepada anak muda ayuh kita perkasakan ilmu di dada kerana persaingan zaman globalisasi ini bukan lagi dengan kekuatan senjata tetapi dengan ketajaman akal minda kerana penjajahan pada masa sekarang datang dalam pelbagai warna, bentuk dan saiz walaupun sebelum ini mereka datang dengan kapal dan senjata. Sekarang mereka masuk menerusi wayar kuprum, fiber optik serta satelit dan dengan adanya globalisasi dan dunia tanpa sempadan, lebih mudah untuk mereka mempengaruhi dan mengawal kuasa politik, ekonomi dan sistem sosial kita.

Marilah kita berdoa semoga Allah akan sentiasa melimpahkan taufik dan hidayahnya kepada kita semua untuk berkhidmat kepada agama, bangsa dan negara. Sambutlah laungan perjuangan bangsa:

Merdeka ! Merdeka ! Merdeka !

Sebelum mengakhiri ucapan pada malam ini, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua individu yang terlibat dalam menjayakan majlis ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga sekali lagi diucapkan kepada Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Shahidan bin Kassim, Menteri Besar Perlis dan tetamu-tetamu serta dif-dif kehormat yang lain.

Saya sudahi dengan ucapan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.